



Kelab Bahasa & Budaya Melayu (KEBAYU) merupakan sebuah persatuan yang berdaftar di bawah Hal Ehwal Pelajar (HEP) UiTM Shah Alam, bertujuan untuk memartabatkan bahasa dan budaya Melayu selaras dengan objektif penubuhan kelab itu sendiri iaitu memelihara bahasa dan budaya Melayu dalam negara kita. Penglibatan ahli Kebayu bukan sahaja terdiri daripada pelajar Akademi Pengajian Bahasa (APB) malah ianya dibuka kepada semua pelajar UiTM Shah Alam bagi menggalakan dan memeriahkan lagi kelab ini. Segala aktiviti yang dibangunkan oleh Kebayu mampu untuk menerapkan sifat cinta akan budaya dan bahasa Melayu dalam negara kita agar tidak terkubur dalam setiap jiwa pelajar UiTM. Sepanjang penubuhan kelab ini, terdapat pelbagai program yang berjaya dijalankan malah mendapat maklum balas yang baik terhadap program program yang dihasilkan.

JELAJAH KHAZANAH MELAYU (JKM)



Gambar di atas menunjukkan antara aktiviti yang dilakukan sepanjang JKM

Jelajah Khazanah Melayu merupakan satu siri program yang dilakukan bagi memberi pendedahan kepada peserta berkaitan khazanah warisan masyarakat Melayu di seluruh Malaysia. Secara asasnya, setiap negeri akan dipilih untuk dijadikan sebagai lokasi JKM untuk dijelajah. Penglibatan peserta dalam program ini membantu memberi pemahaman secara lebih mendalam berkaitan khazanah warisan yang terdapat dalam sesebuah masyarakat. Program ini juga dilakukan bagi memberi pengalaman sebenar dalam mempraktikkan penghasilan kraftangan dalam sesebuah masyarakat. Kebayu telah berjaya menjalankan 2 siri JKM iaitu di negeri Perak dan negeri Pantai Timur (Pahang, Terengganu, Kelantan)

IKHWADI (INTAI KHAZANAH,WARISAN DIJULANG)



Gambar di atas menunjukkan antara aktiviti yang dilakukan sepanjang IkhWadi

IkhWadi merupakan kesinambungan daripada program Jelajah Khazanah Melayu (JKM). Jika sebelum ini negeri di Utara (Perak) dan Pantai Timur (Pahang, Terengganu dan Kelantan) dipilih maka sebagai penutup negeri di Selatan menjadi pilihan. Program ini menunjukkan terdapat perbezaan di antara program JKM yang hanya tertumpu kepada aktiviti melawat, melihat dan turut serta penghasilan kraftangan. Namun Program seperti ini mampu menggalakkan peserta untuk mempraktikkan dan merasakan pengalaman budaya dalam sesebuah negeri tersebut. Secara tidak lansung, program ini mampu memberi output kepada peserta yang terlibat dalam program ini.

SUKAN KENANGAN RAKYAT (SUKERA)



Gambar di atas menunjukkan sesi bergambar sesudah program SUKERA tamat.

Sukan Kenangan Rakyat (SUKERA) merupakan salah satu program yang berjaya dijalankan sebelum Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan. Sepanjang program ini, peserta akan bermain beberapa sukan atau permainan untuk bersaing antara satu sama lain dalam bentuk kumpulan. Aktiviti yang dipilih juga merupakan permainan dan sukan yang pernah dipopularkan ketika waktu dahulu. Hal ini bagi memberi pengalaman kepada peserta untuk merasai permainan lama dan mengimbuai kembali permainan ini. Program ini juga turut melibatkan masyarakat di sekitar taman riadah tersebut. Kejayaan program ini memberikan pengalaman dan menyemai sifat cinta akan permainan yang pernah dipopularkan suatu ketika dahulu.

Akhir kata, walaupun keadaan sekarang tidak mengizinkan untuk Kebayu menjalankan aktiviti secara fizikal, Kebayu akan terus merangka program secara atas talian bagi memastikan persatuan ini terus menjalankan amanahnya dalam memartabakan bahasa dan budaya Melayu. Setiap program yang dijalankan mempunyai nilai tersendiri kepada individu dan masyarakat agar masing-masing mendapat faedah atau kebaikan melalui program yang disertai. Segala program dan aktiviti yang dijalankan juga mampu untuk memupuk diri agar lebih mencintai bahasa dan budaya kite sendiri agar tidak ditelan dek zaman.

